



**Warga UPM tidak melepaskan peluang beramah mesra dengan Dr Mahathir yang hadir di universiti itu bersempena dengan PRPI di UPM Serdang, baru-baru ini.**  
[FOTO ABDULLAH YUSOF/ BH]

Katanya, kerajaan juga perlu memainkan peranan menyokong usaha membangunkan industri tempatan bagi memastikan pendapatan masyarakat dan negara meningkat secara seiringan.

Beliau memberi contoh industri makanan tradisional tempatan iaitu keropok lekor, yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa selepas dimajukan menerusi hasil penyelidikan yang membolehkan ketahanan produk lebih lama serta teknologi pembungkusan yang lebih berkualiti dan menarik.

“Kita tidak menolak semua barangan dari luar negara, namun, keutamaan perlu diberikan kepada usaha memajukan serta memberi sedikit perlindungan kepada produk tempatan yang mampu menjana peluang pekerjaan dalam proses penghasilannya serta menambah pendapatan masyarakat pelbagai peringkat,” katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan kepentingan inovasi penghasilan senjata canggih bagi meningkatkan upaya pertahanan negara.

Beliau berkata, universiti penyelidikan termasuk UPM seharusnya menerajui usaha menyuntik minat dan menyebar luas pengetahuan berkaitan bagi meningkatkan keupayaan negara dalam memenuhi keperluan masyarakat serta sektor pertahanan.

“Jika tiada kepakaran tempatan dalam penghasilan senjata pertahanan dan selama-lamanya bergantung kepada orang lain yang mempunyai ilmu itu, kita mungkin kembali menjadi tanah jajahan apabila pihak itu mencipta senjata bagi menewaskan kita,” katanya.

# Menguasai kemahiran reka cipta dan inovasi

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

▀ Serdang

**M**emenuhi keperluan pengguna dan menambah baik prestasi produk sedia ada ialah asas pemikiran penting perlu dikuasai bagi memajukan industri tempatan serta mengelak masyarakat negara ini sekadar menjadi bangsa pengguna.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata negara tidak

boleh terus bergantung kepada barangan dan teknologi yang diimport kerana cara ini akan mengakibatkan peningkatan aliran keluar wang negara serta tiada peluang pekerjaan diwujudkan.

Beliau berkata, penguasaan ilmu sains, teknologi dan matematik perlu ditingkatkan bagi mengupayakan masyarakat khususnya penyelidik untuk menyuburkan budaya inovasi yang mampu menyumbang kepada kemajuan industri dan pembangunan bangsa berpendapatan tinggi.

“Kebanyakan barangan di pasaran dunia ketika ini

ilham masyarakat negara Barat kerana mereka menguasai ilmu untuk menghasilkan dan memperbaiki prestasi sesuatu produk bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat.

“Kemahiran reka cipta dan inovasi perlu ada dalam mana-mana masyarakat untuk mencapai kemajuan kerana penyelidikan memerlukan pemikiran yang menyoal sesuatu perkara boleh diperbaiki walaupun kadangkala terpaksa menongkah arus, bukannya pemikiran kaku yang berpuas hati dengan apa yang ada serta tidak mahu ber-

ubah,” katanya.

## Menyokong industri tempatan

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk Membangunkan Bangsa Berpendapatan Tinggi Menerusi Penyelidikan dan Pembangunan serta Pembangunan Kapasiti bersempena dengan Majlis Perasmian Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.